

Kolonialisme dan Pengembangan Kristian Di Nusantara Pada Abad Ke-16 Hingga Ke-18: Satu Penelitian Awal

Oleh

Abdul Aziz Mat Ton

Pendahuluan

Dalam penelitian politik yang mengaitkan agama pada zaman lampau di Nusantara ini, satu pendekatan yang mudah dikendalikan perbincangannya dan memberi lebih makna ialah dengan melalui satu-satu kuasa politik atau kerajaan. Tempoh yang menjadi perhatian ini akan menyaksikan bahawa pertarungan adalah antara kuasa-kuasa kolonial dari Barat (Eropah) yang mengamalkan agama Kristian dengan kerajaan-kerajaan bumiputera yang umumnya beragama Islam.

Sebagai pendahuluannya eloklah dinyatakan secara ringkas tentang agama-agama yang pernah menjadi anutan penduduk rantau ini. Secara umumnya agama awal masyarakat setempat dikenali sebagai animisme, iaitu kepercayaan kepada roh-roh (semangat). Kemudian secara beransur-ansur agama Hindu dan

seterusnya agama Buddha mempengaruhi sebahagian penduduk rantau ini sebelum Islam menjadi agama anutan umum. Sejarah terpenting kemunculan Islam ini berasal daripada kemunculan Kesultanan Melayu Melaka. Disebabkan kepentingannya ia haruslah diperhatikan secara ringkas sebelum perbincangan lanjut mengenai tulisan ini ditumpukan sepenuhnya.

Kerajaan Melaka telah ditubuhkan oleh Parameswara, waris dinasti Srivijaya pada sekitar penghujung abad ke-14 atau awal ke-15.¹ Keabsahan kewujudan Melaka menjadi pasti pada 1403 apabila rekod Dinasti Sung mencatatkan tentang Melaka dan seterusnya penghantaran Yin Chi'ng ke Melaka untuk menaunginya.² Daya usaha China untuk menaungi Melaka yang baru muncul itu penting dalam menstabilkan Melaka pada peringkat awal dan untuk kemajuan seterusnya. Tetapi mungkin lebih penting lagi ialah peristiwa pengislaman Raja Melaka kerana dengannya Melaka menjadi pelabuhan yang makmur dan seterusnya memungkinkannya menjadi kuasa penakluk di rantau ini.³

Walaupun Melaka muncul sebagai penakluk dan seterusnya mengembangkan agama Islam ke jajahannya bahkan negeri-negeri serantau⁴,

1. Setakat ini terdapat berbagai bagai tafsiran mengenai bagaimana munculnya Kerajaan Melaka ini. *Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur, 1992 yang dedit oleh W.G. Shellabear dan *Sulalatus Salatin* oleh A. Samad Ahmad mengemukakan cerita yang serupa mengenai peristiwa ini. Bagaimanapun O.W. Wolters, *Kejatuhan Srivijaya Dalam Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur 1991, telah mentafsirkan teka-teki dari *Sejarah Melayu* itu dengan menarik sekali sehingga pendapat-pendapat Wolters kini menjadi pegangan kebanyakan sarjana yang mengkaji mengenai Melaka.

2. Lihat C.H. Wake, "Melaka in the Fifteenth Century: Malaya Historical Tradition and the Politics of Islamization", dlm. K.S. Sandhu and Paul Wheatley (eds.), *MELAKA: The Transformation of Malay Capital c. 1400 - 1980*, Vol. I, hlm. 140. Lihat juga Wang Gungwu, "The Opening of Relations Between China and Malacca 1403-1405", sama ada dlm. J.S. Bastin & R. Roolvink (eds.), *Malayan and Indonesian Studies*, London, 1964, atau dlm. Wang Gungwu, *Community and Nation: Essays on Southeast Asia and the Chinese*, Singapura, 1981.

3. Lihat artikel C.H. Wake, *Melaka in the Fifteenth Century*.

4. Telah banyak bahan mencatatkan penyebaran Islam di rantau ini. Untuk satu perhatian ringkas, lihat M.A. Rauf, *Ikhtisar Sejarah Islam*, Kuala Lumpur 1967. Untuk perbincangan lebih mendalam, lihat S.Q. Fatimi, *Islam Comes to Malaysia*, Singapore, 1963.

namun penaklukan ini bukan kerana kefanatikan atau ketaksuhan kepada agama. Dalam erti kata lain Islam dikembangkan bukan dengan paksaan, kekerasan atau mata pedang. Tarikan penting dalam pengislaman serantau adalah atas faktor-faktor perkahwinan raja-raja dan orang-orang besar⁵ bagi tujuan politik dan ekonomi, ilmu pengetahuan dan tidak kurang pentingnya kerana nilai-nilai kemanusiannya.

Pengaruh Islam begitu besar terhadap Kesultanan Melayu Melaka ini. Sebelum dikalahkan oleh Portugis, Melaka menjadi salah sebuah pusat intelektual Islam. Ilmu-ilmu pengetahuan Islam yang popular berpusat kepada tiga cabang iaitu Ilmu Kalam (Tauhid), Ilmu Fiqh dan Ilmu Tasauf.⁶ Begitu dalamnya penghayatan terhadap Islam hingga perundangan Melaka didasarkan kepada Undang-undang Islam.⁷ Adalah dipercayai bahawa kesaksamaan hukum negara dan kemurnian nilai ajaran agama telah menyumbangkan pembangunan Melaka sehingga menjadikannya sebuah emporium perdagangan terkaya dunia.

Kemakmuran Melaka ini diandaikan sedemikian berdasarkan catitan-catitan Portugis pada awal penaklukannya. Seperti kata Tome Pires.

Tiada pelabuhan perdagangan sebesar Melaka diketahui, tidak juga diketahui jika terdapat di mana-mana mereka [pedagang-pedagang] telah mengurus-niagakan barang yang begitu baik/indah (fine) dan mahal. Barang dari seluruh Timur terdapat di sini; barang dari seluruh Barat ada dijual di sini. Pada penghujung musim monsun pula dan kadang-kadang barang yang tidak anda duga akan menemuinya.⁸

5. Mungkin contoh terbaik daripada kes seperti ini ialah penaklukan Pahang (Indera Pura). Dalam kes ini pemerintah Pahang, Dewa Sura terus mengamalkan agamanya ketika berada dalam tawanan pembesar Melaka. Puterinya telah memeluk agama Islam untuk berkahwin dengan Sultan Melaka. Dewa Sura kemudian berjaya melepaskan diri dan melarikan diri ke Siam. Lihat kes ini dalam misalnya, W.G. Shellabear, *Sejarah Melayu*, hlm. 74-76.

6. Peranan dan pengaruh bidang ini dapat dipelajari secara umum daripada M.B. Hooker, *Undang-undang Islam di Asia Tenggara*, Kuala Lumpur (Bab Pengenalan).

7. Untuk satu penelitian ringkas lihat Liaw Yock Fang, "The Undang-undang Melaka", dlm . K.S. Sandhu and O.W. Wolters, *Melaka*, hlm. 180-184.

8. Lihat C.R. Boxer, (1973), *The Portuguese Seaborne Empire 1415-1825*, London, hlm. 40.

Pada tempat lain pula, Tome Pires mencatatkan betapa gembira dan megahnya beliau setelah Melaka yang begitu kaya ditawan. Menurutnya:

Melaka adalah sebagai bandaraya yang terbentuk oleh barang dagangan (merchandise) yang lebih sesuai daripada mana-mana tempat di dunia ini; ... Sesiapa juga yang menguasai Melaka bererti tangannya berada pada kerongkong [yang boleh membunuh] Venice. Sejauh Melaka ke China dan dari China ke Meluku, dan dari Meluku ke Jawa, dan dari Jawa ke Melaka dan Sumatera, semuanya dalam tangan kita.⁹

Sebelum berlakunya penjajahan Portugis, Sepanyol, Belanda dan Inggeris ke rantau ini yang membawa agama Kristian, Islam telah menjadi agama terpenting dan berpengaruh kepada masyarakat setempat, terutama kepada golongan bangsawan. Dan penting juga dicatatkan secara sepintas lalu bahawa sebenarnya sejarah perkembangan Islam telah merebak ke Eropah (Semenanjung Iberia) lebih kurang tujuh abad sebelum ia tersebar sebagai agama penting dan meluas di Nusantara.

Kemunculan Penjajah Portugis dan Sepanyol Kristian Katholik

Islam merupakan kepercayaan agama yang bertunjangkan kepada kepercayaan keesaan Tuhan yang menjadikan alam ini dan menghantarkan rasul-Nya bagi membetulkan kehidupan manusia. Islam muncul terkemudian lebih lima ratus tahun daripada agama Kristian, dan mengikut seruan Nabi Muhammad, sebagai memperbetulkan penyelewengan keagamaan yang terdahulunya akibat penyelewangan akidahnya, kesan perkembangan zaman. Menurut kepercayaan Islam, Nabi Muhammad adalah penyempurna dan penamat kepada perutusan rasul-rasul Allah. Nabi Isa Alaihi Salam dan Kitab Injil adalah nabi dan kitab yang diakui oleh umat Islam datangnya daripada Allah s.w.t.

Melalui cahaya keilmiah dan tamadun Islam, masyarakat Eropah, bermula dari Semenanjung Iberia, menerima nikmatnya yang membuka tabir gelap dunia mereka. Kreatif masyarakat Eropah kemudiannya memajukan mereka dalam berbagai-bagai bidang penghidupan melalui sinar baru ini. Bagaimanapun, dalam

9. Lihat Amanda Cortasao, *The Suma Oriental of Tome Pires*, Vol. III 1994, London, hlm. 286-287. (Terjemahan ke Bahasa Melayu oleh penulis makalah ini).

perkembangan sejarah agama-agama ini, melalui manipulasi kepentingan manusia tertentu, kedua-duanya menjadi alat pertarungan yang menyebabkan satu siri perperangan antara manusia yang memanjang. Bencana kemanusian ini dikenali dalam sejarah dunia sebagai Perang Salib.

Peristiwa yang berlaku di Eropah ini kemudiannya berkembang ke rantau ini. Ia dilakukan oleh kuasa-kuasa yang dahulunya pernah terlibat dalam Perang Salib. Kemaraan kuasa Eropah yang berjaya sampai ke rantau ini dalam abad ke-16 melahirkan perilaku keganasan yang menghidupkan kembali peristiwa Perang Salib. Untuk menyaksikan pertempuran ini dan evolusinya, tulisan ini akan menumpukan perhatian kepada kemunculan Melaka sebagai titik tolaknya.

Pada 1511 Portugis telah berjaya menawan bandar Melaka, iaitu pusat pentadbiran dan perdagangan empayar Melayu Melaka. Kejayaan Portugis ini memanglah satu kejayaan yang amat besar yang menjadikan impian pengikut Kristian Katholik sebagai satu kenyataan.¹⁰ Sejak berabad-abad kuasa-kuasa Eropah bersepakat sesama mereka dan berusaha cuba menumpaskan Islam dari muka bumi ini dengan menyerang negara-negara Islam di Mediterranean.

Kemudian, bersaingan yang berlaku lebih kurang dengan kemunculan Melaka pada abad ke-15, telah berjaya menyingkirkan terus pendudukan orang Arab di Semananjung Iberia oleh Portugis. Bagi mereka (Portugis), Islam dan Arab adalah sama erti. Oleh yang demikian, dendam mereka terhadap orang Arab kerana menguasai mereka selama lebih kurang tujuh abad membuatkan mereka berusaha untuk membala dendam terhadap Islam di mana-mana sahaja ia berada. Putera Portugis yang terkenal dengan gelaran Prince Henry the Navigator telah muncul di Portugal dalam abad ke-15. Beliau telah memberikan segala kemampuannya dan memberi seluruh perhatian untuk membina kekuatan

10. Perang Salib berlaku dalam beberapa siri berikutan pengapian oleh golongan politik pemerintah dan ketua agama Kristian Rome yang menuangkan semangat anti-Islam dengan gambaran kononnya orang Kristian di bawah pemerintah Islam di Palestin hidup menderita dan teraniaya. Salah tanggapan ini meninggalkan kesan permusuhan yang berpanjangan antara orang Kristian dengan orang Islam. Sejarah ringkas Perang Salib ini boleh di pelajari dari H.A. Davies, *An Outline History of the World*, London, 1964, Bab XIX, hlm 315-325; M.A. Rauf, *Ikhtisar Sejarah*, hlm. 79-82.

Portugis sebagai penakluk dan pengembang agama Kristian. Menjelang pertengahan abad ke-15 kejayaan-kejayaan kecil Portugis dalam pelayaran serantaunya amat menghairahkan mereka dalam perjuangan tersebut. Penerokaan "Dunia Baru" ini mulanya didorong oleh semangat mencari "emas Guinea dan Prestor John".¹¹

Emas Guinea adalah lambang kekayaan Eropah pada masa itu. Pusat pengeluarannya di Guinea yang terletak di pantai barat Afrika. Sementara Prestor John merupakan tokoh yang dipercayai sebagai seorang Maharaja Kristian yang amat kuat yang akan dapat menolong mereka mengalahkan kerajaan Islam di Mediterrenean. Sebenarnya orang Portugis ini tidak tahupun yang Prestor John itu semata-mata tokoh dongeng atau metos yang mungkin sama dengan metos Puteri Gunung Ledang yang diasyikan oleh Sultan Melaka yang terakhir itu. Orang Portugis juga tidak tahu di mana letaknya kerajaan Prestor John yang menurut kepercayaan mereka terletak di antara India dengan rantau sekitar Mesir. Bukan setakat itu sahaja, mereka juga tidak tahu di mana Mesir dan India itu sendiri. Tetapi metos Prestor John cukup kuat mendorong mereka menjelajah dengan kepercayaan kegalannya mengalahkan Islam melalui pintu hadapan Laut Mediterrenean (Maghribi) akan diatasi dengan bantuan Prestor John yang akan menawan mereka melalui pintu belakang dengan menyusur pantai Afrika untuk ke India.

Dorongan lain pula, pada pertengahan abad ke-15 Prince Henry telah beberapa kali mendapat semacam amanah suci yang mereka sebut Papal Bulls dari pada Paus Besar Kristian di Rom. Dalam amanah pertama yang dikeluarkan pada 1452, Papal Bulls itu antara lain memberikan kekuasaan,

...Kepada Raja Portugal untuk menyerang, menawan dan menundukkan orang-orang Saracens [Arab-Islam], bukan-Kristian dan orang-orang tak beragama yang memusuhi agama Nabi Isa; untuk merampas harta benda mereka dan kawasan-kawasan mereka; untuk menjadikan mereka berkekalan sebagai abdi dan memindah-milikkan harta benda mereka kepada Raja Portugal dan keturunannya.¹²

11. Cerita mengenai Guinea Gold dan dongeng Prestor John ini telah digambarkan dengan panjang lebar oleh C. R. Boxer, *The Portuguese Seaborne Empire*, hlm. 15-38.

12. *Ibid.*, hlm. 21.

Walaupun kemudian terdapat peruntukan yang mengizinkan mereka berdagang dengan orang Islam tetapi setakat barang bukan senjata peperangan. Papal Bulls juga memperuntukkan Portugis berhak mentadbir tanah jajahannya tanpa gangguan daripada mana-mana kuasa, walaupun di kalangan orang Kristian sendiri. Ia juga berhak dalam memonopoli kekayaan yang diperolehi di tanah jajahannya untuk kepentingan kerajaan Portugal dan agama Kristian. Amanah Papal Bulls yang didapati oleh Portugis ini telah disampaikan kali terakhirnya pada Oktober, 1455 dengan penuh istiadat di hadapan perwakilan wakil-wakil Inggeris, Belanda, Perancis dan lain-lainya yang dipanggil khas untuk istiadat itu. Papal Bulls ini merupakan dorongan baru dalam adunan dorongan terdahulunya untuk Portugis meneruskan usaha penjajahannya.

Sesungguhnya metos Prestor John itu membawakan mereka menemui India, tetapi tidak menemui kerajaan Prestor John yang diharapkan. Dari India mereka mendengar tentang Melaka yang kaya raya itu. Sebenarnya selain masalah agama yang membuatkan mereka bencikan dan berdendam terhadap Islam, persaingan di Eropah yang berkaitan dengan penguasaan perdagangan orang Islam dalam perdagangan rempah ratus di sana yang mahal harganya merupakan juga punca lainnya. Semua barangang lumayan di sana yang berasal dari Asia berada di bawah penguasaan pedagang-pedagang Islam yang menjadi kaya raya kerananya.

Mereka mempelajari daripada peninjauan Diogo Lopez de Squiera pada 1509 bahawa mereka akan mendapat segala-galanya di Melaka. Dalam kedaan ini sumpah dan doa mereka sewaktu memulakan pelayaran mencari Prestor John ialah untuk menghapus dan merampas kekuasaan Islam yang sudah terbentang di depan mata mereka.

Dengan semangat Perang Salib yang begitu membara di dada Afonso de Albuquarque yang baru sampai ke India sebagai Wizurai Portugis, angkatan perang disediakan untuk menawan Melaka. Sesampainya di Melaka dia memberi kata dua dengan tuntutan yang menafikan kewibawaan Melaka sebagai sebuah negara yang merdeka. Portugis bertindak begitu bongkak kerana percaya bahawa mereka akan mendapat sokongan orang bukan Islam. Mereka begitu yakin bahawa mereka dengan mudah akan dapat menawan Melaka dan akhirnya menguasai kekayaan serantau. Mereka sememangnya mendapat bantuan itu daripada golongan yang kecewa dan gagal mendapat sesuatu dalam kerentah politik Melaka semasa dan golongan itu tentulah mengharapkan sesuatu yang lebih baik daripada Portugis.

Kejatuhan Melaka ke tangan Portugis merupakan peristiwa yang menghairankan sesetengah sarjana. Tetapi kalau dipelajari daripada keadaannya, sumber-sumber sejarahnya menunjukkan bahawa ia adalah kejadian yang lumrah dalam cerita-cerita kenaikan dan kejatuhan sesuatu pemerintah zaman lampau.

Sebagai satu ringkasan, Melaka boleh digambarkan sebagai sebuah pelabuhan yang amat kaya. Pemerintah-pemerintahnya yang telah mencapai kedudukan politik dan kekayaan yang begitu tinggi nampaknya menjadi sompong dengan kedudukan itu. Kekuasaan yang luas membuatkan mereka bertindak mengikut naluri semula jadi untuk memuaskan nafsu itu. Kekejaman, kerakusan, kebendaan, rasuah, bernafsu-nafsi, memfitnah dan bermuka-muka merupakan unsur-unsur buruk yang melanda pegawai dan istana Melaka¹³.

Dalam keadaan begini kerajaan feudal Melaka ini mengalami keretakan dari dalam; daripada kalangan pegawai-pegawai tingginya yang ingin menghampiri diri dengan singgahsana. Raja Melaka sendiri berwatak lemah yang tidak begitu arif dalam pemerintah. Bendahara Melaka yang baru dilantik walaupun begitu patriotik, tetapi dalam hayat yang begitu lanjut tidak sihat (tepk). Sebagai orang yang paling berpengaruh dan sepatutnya aktif, Bendahara Tepok terpaksa memenuhi kehendak Sultan Mahmud memimpin Melaka yang dalam keadaan begitu politiknya. Faktor lain yang menjatuhkan Melaka ialah keadaan kosmopolitan masyarakat bandarayanya. Bandaraya Melaka dikatakan dihuni oleh lebih 100,000 penduduk berbagai-bagai bangsa. Kepelbagaiannya bangsa itu boleh dibayangkan dengan kenyataan yang mengatakan bahawa terdapat 84 bahasa yang dituturkan oleh mereka. Sebagai rakyat asing ketaatsetiaan mereka ini memanglah bukan kepada kerajaan Melaka. Bahkan terdapat bangsa Melayu sendiri, akibat ketidak-adilan pentadbiran yang berlaku, kehilangan kesetiannya kerana perasaan dendam terhadap kerajaan Melaka.

Bila Melaka diserang oleh Portugis yang dipimpin oleh Afronso de Albuquerque pada 25 Julai 1511, sebenarnya mereka sudah cukup mendapat maklumat rahsia pertahanan Melaka. Rahsia itu disampaikan kepada Alfonsode Albuquerque oleh Diogo Lopez de Sequeira (yang masih dalam tahanan Melaka)

13. Lihat keadaan pemerintahan Sultan Mahmud di Melaka untuk menyaksikan siri pemerintahan yang begitu buruk. Lihat A. Samad Ahmad, *Salatus Salatin* –, hlm. 186-269.

melalui seseorang perantaraan bernama Abdullah. Maklumat rahsia Melaka disampaikan kepada de Sequeira oleh Nina Chatu (saudagar terkaya di Melaka keturunan India/Hindu). Semasa serangan Portugis dilancarkan mereka dibantu pula oleh Nina Chatu dan saudagar lain seperti Utumuturaja dari Jawa yang dikatakan mempunyai 5,000 orang abdi di Melaka. Maka masyarakat yang pecah-belah kerana dendam kesumat serta tamak haloba itupun jatuh hanya selepas dua minggu diserang oleh lebih kurang 1,500 tentera Portugis bersama-sama dengan tentera upahannya.¹⁴

Malangnya bagi Portugis, raja Melaka yang terakhir, Sultan Mahmud Syah telah tidak tertawan. Melalui beberapa pengkalan baru yang terletak di sekitar Selat Melaka,¹⁵ baginda telah melancarkan serangan ke atas Melaka. Permusuhan yang memanjang antara Melaka dengan Portugis telah berlangsung. Oleh kerana unsur keagamaan (Kristian) menjadi motif serangan Portugis dan Islam pula sudah merupakan agama umum kerajaan-kerajaan tempatan, lahirlah peperangan yang bersifat Perang Salib di rantau ini. Dengan itu ancaman terhadap Portugis di Melaka bukan sahaja daripada bekas Sultan Melaka tetapi termasuk juga daripada kerajaan bumiputera Islam lainya seperti Demak, dan lebih hebat lagi Aceh.

Bagaimanapun unsur lain iaitu kekayaan dan kemegahan (kebesaran) raja-raja Kristian Eropah turut merupakan dorongan seiring motif agama tadi. Kalau motif kemegahan yang ingin dicapai oleh orang Portugis dengan serangannya ke atas Melaka, sesungguhnya mereka telah berjaya menawan bandar Melaka, tetapi raja Melaka dan wilayahnya tetap tidak terjejas. Lebih daripada itu kejayaan Portugis adalah lebih merupakan kuasa yang meruntuhkan bandar

14. Mengenai pengkhianatan penduduk Melaka terhadap pemerintah pada masa itu, lihat Yahaya Abu Bakar, "Sumber Portugis Mengenai Melaka T.M. 1511 - 1641", dlm. Dr. Omar Farouk Bajunid (ed.), *Esei-esei Budaya dan Sejarah Melaka*, 1989, hlm. 71. Untuk keterangan lanjut mengenai tahun-tahun akhir menjelang kejatuhan Melaka, lihat A. Cortasao, *The Suma Oriental*, hlm. 278-279.

15. Dari segi teori politik, yang disebutkan Melaka pada abad ke-16 itu meliputi jajahan takuknya yang meliputi Sumatera Timur hingga ke seluruh Semenanjung Tanah Melayu (termasuk Patani sekarang). Namun demikian, penulis lebih suka menggunakan istilah Semenanjung Melaka dengan pengertian (rujukan khas) bahawa kawasan yang dirujuk ialah kawasan Melaka yang terletak di Semenanjung Tanah Melayu sahaja.

Melaka sebagai emporium perdagangan dunia. Portugis dengan sikap rakus ekonominya telah memperkenalkan sistem paksa dan monopolii dalam perdagangan.

Sistem monopolii diperkenalkan oleh Portugis terutamanya terhadap barang-barang rempah (bunga cengkib, buah pala, lada hitam dan sebagainya yang biasanya disebut sebagai rempah ratus oleh orang Melayu) supaya tidak diniagakan dengan bangsa lain selain Portugis. Mereka juga menentukan harga dan sukanan. Pedagang-pedagang pula dikehendaki mempunyai lesen (kebenaran rasmi Portugis) yang tanpanya, terutamanya oleh pedagang Islam boleh menyebabkan kapal mereka dirampas atau ditenggelamkan oleh kapal-kapal perondanya. Tujuan monopolii ini ialah sebagai kawalan supaya barang-barang ini hanya sampai ke Eropah melalui pedagang Portugis. Dengan penguasaan ini Portugis akan dapat menentukan harganya sesuka hati dan berapa tinggi yang hendak dikenakkannya. Ini juga bermakna ia akan menghancurkan pedagang-pedagang Islam sama ada dari India atau Asia Barat yang selama ini menguasai dagangan itu ke Eropah.

Untuk kawalan berkesan terhadap sistem itu Portugis mengenakan pula paksaan kepada perdagang-pedagang yang menggunakan laluan Selat Melaka supaya singgah di Melaka. Sikap inilah yang telah menggagalkannya pemulihran kemakmuran Melaka seperti mana kekayaan semasa pemerintahan raja-raja Melayu yang terdahulu. Portugis juga kemudiannya menyedari bahawa Melaka bukanlah penghasil barang-barang rempah (rempah ratus), tetapi hanya sebuah pasarnya sahaja. Unsur kerakusan ekonomi dan kegagalan memulihkan Melaka menyebabkan Portugis mencari punca di mana sebenarnya rempah ratus itu, khususnya buah pala dan bunga cengkib itu dikeluarkan.

Oleh yang demikian, mereka menumpukan perhatian ke pusat pengeluaran barang ini iaitu di Kepulauan Maluku. Melaka ditinggalkan sebagai pusat atau benteng pertahanannya di Selat Melaka sahaja. Hubungan awal dilakukan secara persahabatan dengan mengikat perjanjian dengan pemerintah setempat. Tetapi sekali lagi sikap rakus Portugis yang ingin menguasai sepenuhnya pengeluaran ekonomi rakyat tempatan menyebabkan mereka melanggar perjanjian yang mereka meterai sehingga berakhir dengan pernaklukannya terhadap kerajaan tempatan. Ini adalah kerana Portugis marahkan pedagang-pedagang tempatan yang melakukan penyeludupan hasil-hasil ekonomi mereka.

Mereka melakukan penyeludupan ini kerana tidak puas hati terhadap kegiatan perdagangan monopoli Portugis yang merugikan mereka. Peperangan yang merebak ke sana memperluaskan lagi rasa kebencian masyarakat setempat terhadap kuasa Barat yang juga sedang mengembangkan agama "Kristian" ini.

Kemunculan Sepanyol

Tidak berapa tahun selepas bandar Melaka jatuh ke tangan Portugis satu lagi peneroka bangsa Eropah, Sepanyol yang dipimpin oleh Ferdinand Magellan telah sampai ke Filipina.¹⁶ Motif kedatangan mereka serupa dengan Portugis, iaitu Salib, Emas, dan Keagungan (Kebesaran). Keserupaan motif tidak menjadi masalah untuk difahami kerana Magellan sendiri sebenarnya adalah seorang Portugis yang menukar kerakyatannya kepada Sepanyol. Beliau sendiri sebenarnya sudah sampai ke Melaka dan mengambil bahagian dalam serangan Alfonso de Albuquerque menakluki Melaka. Bertolak dari pelabuhan San Lucar pada 20 September 1520 dengan mengikut jalan barat melalui Amerika Selatan, pelayarannya sampai ke Limasawa (Kepulauan Filipina Selatan) yang diperintah oleh Raja Kolumbu pada 28 Mac 1521. Di sini mereka mengadakan "persetiaan darah"¹⁷ pertama dengan kerajaan tempatan Filipina. Hari berikutnya Magellan menanamkan sebatang salib besar di situ dan menaikkan bendera Sepanyol dan mengisytiharkan Filipina sebagai milik Raja Sepanyol¹⁸.

16. Kesah pelayaran Ferdinand Magellan telah dirakamkan dengan menarik dan cukup memuaskan dengan tarikh-tarikh pentingnya oleh Gregorio F. Zaide, *Philippine Political and Cultural History*, Vol. I, 1957, Bab-bab VIII & IX. Kebanyakan maklumat yang penulis gunakan di sini diperolehi dari buku ini.

17. Adat seperti ini nampaknya sebagai satu kebiasaan bagi ketua-ketua penjelajah dan juga penjajah Sepanyol dengan raja-raja tempatan. Pemimpin kedua-dua belah pihak dalam persetiaan ini akan mengeluarkan darah dari anggota (seperti biasanya bahagian tangan) dan dimasukkan ke dalam sebuah bekas kecil. Darah itu kemudian dibahagi dua ke dalam dua bekas, sama banyak setiap satunya, untuk masing-masing meminurnya. Ini menandakan mereka sudah bersumpah untuk bersetia dalam persahabatan.

18. Lihat Gregorio F. Zaide, *Philippine*, hlm. 115. Begitu mudah nampaknya memiliki sesuatu kawasan oleh kuasa Eropah ini: hanya dengan menaikkan bendera dan mencacahkan salib. Sebenarnya kita tidak diberitahu apakah reaksi yang ditunjukkan oleh kerajaan tempatan itu.

Pada 7 April 1521 Magellan pergi Cebu bersama-sama Raja Kolambu. Pemerintah Cebu meminta supaya Sepanyol membuat pemberian¹⁹ kepada raja. Tetapi pedagang Siam yang berada di istana Raja Cebu menasihatkan raja itu supaya mengecualikannya kerana ia mengetahui telatah kuasa-kuasa Eropah yang datang ke Timur dan kekuatan mereka. Pemerintah Cebu membantalkan syarat dagangnya tetapi mengizinkan rombongan Magellan mendarat. Setelah masing-masing bersetia dengan darah, pada 14 April telah diadakanlah istiadat pengkristianan (baptize) yang dikatakan melibatkan 500 orang. Orang besar termasuk keluarga diraja Cebu dikatakan telah memeluk agama Kristian dan diubah nama mereka dengan nama Kristian. Mereka yang termasuk diubah namanya itu ialah saudagar Siam tadi.

Lebih seminggu kemudian Magellan meneruskan penjelajahannya ke Mactan. Ia telah menghantar perutusan kepada Raja Lapu-lapu, pemerintah Mactan untuk tunduk dan membayar ufti kepada Raja Cebu, Humabon. Arahan Magellan ini telah ditolak oleh Lapu-lapu. Kedegilan Lapu-lapu memarahkan Magellan, lalu ia menghantar kata dua untuk menyerang Mactan. Perang meletus pada 27 April apabila Magellan dan raja-raja tempatan menyerang Mactan. Bagaimanapun, di sini angkatan Magellan ditewaskan dan dia sendiri terbunu. Penyokong dan saki baki angkatan Magellan pun berundur. Agak malang bagi orang Sepanyoi ini, kerana selepas itu mereka menjadi mangsa serangan orang tempatan pula. Akhirnya mereka terpaksa mencari jalan pulang ke Sepanyol. Dalam perjalanan itu mereka terus melakukan perlanungan dengan memperdaya pelayar-pelayar tempatan yang boleh memandu mereka ke Maluku dan kembali ke Sepanyol.

Tiga orang nakhoda Filipino telah diperdaya dan ditangkap dan dijadikan orang tawanan oleh mereka dalam mencari penunjuk jalan ke Maluku. Bagaimanapun dua orang daripadanya telah berjaya melepaskan diri. Dalam pelayaran ke selatan mereka sampai ke Brunei, tetapi mereka telah dihalau dari sana. Kemudian mereka menyusur pantai Borneo dan terus mengarah ke timur. Akhirnya sampai juga mereka ke Maluku. Mereka sempat membeli barang-barang rempah dari rantau ini untuk diangkut pulang ke Sepanyol.

19. Pemberian (*pre-emption*) di sini adalah diperlukan untuk dibuat kepada Raja dan Pembesar-pembesar tempatan sebelum pedagang asing yang datang berniaga mendapat kebenaran untuk berniaga.

Angkatan ini sampai kembali ke San Lucar, Sepanyol pada 6 September 1522 dan disambut dengan meriahnya.

Selepas ini beberapa ekspedisi lain dihantar ke Filipina, tetapi menemui kegagalan. Akhirnya angkatan Lagazpi telah berjaya mendirikan petempatan Sepanyol yang pertama pada 1565. Melalui pengkalan inilah, siri-siri penaklukan melalui perang dilakukan pada dekad-dekad seterusnya. Perang ini termasuklah dengan Mactan dan Manila. Akhirnya menjelang abad ke-17, Sepanyol menjadi kuasa politik yang utama di Kepulauan Filipina. Dalam usaha menundukkan pemerintah-pemerintah tempatan yang diikuti dengan perang sejarawan kolonial menyebutkan bahawa penaklukan itu adalah untuk mengembangkan agama Kristian, bukan untuk kepentingan dunia. Filipina dengan itu kekal ditundukkan oleh mata pedang Sepanyol sebagai penganut agama Kristian untuk kesejahteraan masyarakat bumiputera. Tetapi dalam pentadbiran pegawai-pegawai pemerintah Sepanyol ini mereka,

.....telah menyalah gunakan kuasa dengan tamak halobanya. Orang Filipino yang daif telah ditipu, dipukul, disalah lakukan, terbiar, dikenakan cukai berlebihan dan dipaksa bekerja berlebihan ... Disebalik [Sepanyol] sebagai penjaga dan pelindung orang Filipino, pegawai-pegawai ini menjadi penindasnya.²⁰

Walaupun mungkin terdapat kelainan pengalaman sejarah Sepanyol di Kepulauan Filipina, namun pola umumnya dalam hubungan dengan pemerintah tempatan adalah sama dengan apa yang dialami oleh Portugis di Selatan. Kegiatan pengembangan pengaruh salib yang teradun dengan kepentingan "kekayaan perdagangan" dan "kemegahan" kerajaan negara ibunda mereka telah menimbulkan ketegangan hubungan dengan kerajaan-kerajaan bumiputera tempatan. Bagi kepentingan jangka panjangnya kuasa Portugis dan Sepanyol melalui perantaraan Paus Besar, perebutan kuasa mereka secara kasarnya dapat melalui Perjanjian Zaragoza (1529) dan semangat Tordesilla. Ia dilakukan melalui Perjanjian Zaragoza (1529) dan semangat Tordesilla. Ia merupakan piagam persahabatan kuasa Kristian bagi mengelakkan mereka bertempur sesama sendiri.

20. Gregorio F. Zaide, *Philippine*, hlm 170. Mengenai peristiwa siri perang untuk menakluki Legazpi dan pentadbiran kolonial, lihat Bab XI dan XII.

Kehadiran saki-baki angkatan Magellan di Maluku pada 1521 telah mempercepatkan Portugis membuka loji dan kota di Ternate. Sultan Ternate sebenarnya sedang bersaing dengan Sultan Tidore bagi mempelawa Portugis bermiaga di sana untuk mendapatkan pasaran barang mereka. Walaupun Sultan Ternate lebih keras anti-Kristian namun Portugis memilih untuk membina loji dan kota di Ternate. Bagaimanapun, Sultan Hairun telah berjaya mengadakan perdagangan dengan Portugis di samping mengawal kegiatan pengembangan ugama Kristian sehingga Portugis terpaksa mencuba membuka loji dan kota baru di Ambon, sebuah penempatan yang menghasilkan bunga cengkih dan bukan berpenduduk Islam. Hal ini juga dapat dikawal oleh Sultan Hairun sehingga kegiatan pengembangan agama Kristian oleh Portugis porak-peranda dan paderi-paderinya terbunu oleh penduduk tempatan.²¹ Bagaimanapun, Sultan Hairun yang telah berjaya meluaskan pengaruhnya dari Mindanao ke Ambon ini telah dibunu oleh orang Portugis. Peristiwa ini berlaku hanya sehari selepas Gabenor Portugis dan Sultan Hairun menandatangani perjanjian damai dan sumpah setia dengan bersaksikan kitab suci masing-masing. Pada hari itu Sultan Hairun telah pergi melawat ke kota Portugis tanpa ragu-ragu kerana percaya kepada persetiaan yang baru dibuat.

Peristiwa yang berlaku pada 1570 itu merupakan penanda terakhir kehadiran Portugis di rantau itu kerana anak sultan itu telah bersumpah untuk menuntut bela di atas kematian ayahandanya. Ternate serta-merta menjadi bergelora dengan peperangan. Lima tahun Portugis terkepung di kotanya. Akhirnya Portugis dan agama Kristian telah dibersihkan dari sana. Selepas peristiwa ini nama Sultan Baabullah, anak Sultan Hairun menjadi masyhur sebagai penguasa kepulauan sekitarnya.

Pada masa yang sama Sepanyol muncul kembali di Filipina. Pendudukkan mereka bermula di Manila sejak 1571. Sepanyol segera mendapat kekuatan dan berjaya menyekat pengembangan Islam ke Mindanao oleh kesultanan Brunei. Kejayaannya ini begitu menghairahkan Sepanyol untuk menggantikan peranan yang pernah dimainkan oleh Portugis yang telah malap di Maluku. Namun begitu, perkembangan politik di Eropah memperuntukkan Maluku kepada Portugis sahaja. Tetapi hasrat Portugis ke arah itu telah tidak dapat

21. Lihat Bernard H.M. Vlekke, *Nusantara*, Bab IV: "Orang Islam dan Portugis". Berkenaan peristiwa Sultan Hairun ini, lihat hlm., 102-103.

dipulihkan lagi, walaupun melalui satu rancangan bersama dengan Sepanyol. Bahkan kedudukan politik mereka diperburukkan lagi oleh kehadiran satu kuasa-kuasa politik baru, iaitu Belanda.

Menjelang abad ke-17 apabila Belanda mula muncul di Jawa dan Sumatera ia merupakan tanda-tanda yang akan membawa keruntuhan empayar Portugis di rantau ini. Dikatakan sedemikian ialah kerana selama ini Portugis telah gagal dalam politik dan penguasaan ekonominya, walaupun boleh dikatakan sepanjang abad ke-16 tidak ada kuasa Barat lain yang dapat menandinginya. Kehadiran Sepanyol sebenarnya tidaklah secara serius mencabar kedudukan Portugis sebagai kuasa monopoli. Kedudukan Portugis sebagai kuasa monopoli di peruntukkan dalam Tordasilla yang membahagikan kuasa kedua-dua kuasa itu dan Pope Besar di Rom merupakan perujuk kepada masalah mereka untuk diselesaikan. Dan sesungguhnya dalam keadaan itu sepanjang sejarah Portugis di rantau itu pada masa itu campurtangan Sepanyol, khususnya di Maluku adalah terlalu kecil.

Sebahagian besar kegagalan Portugis ini adalah disebabkan oleh kegagalan diplomatiknya dengan kuasa-kuasa serantau. Kegagalan pertamanya ialah dengan kuasa-kuasa tempatan, khususnya dengan Kerajaan Melayu Melaka. Portugis tidak dapat memecahkan keutuhan empayar Melaka yang tidak memandang bahawa tertawannya dan jatuhnya ibu kota Melaka sebagai berakhirnya kerajaan Melayu Melaka. Raja-raja Melaka seterusnya mengancam kedudukan Portugis di Melaka. Orang bukan Melayu, khususnya India dan Jawa yang mengkhianati kerajaan Melayu Melaka tidak semuanya dapat hidup bersefahaman dengan Portugis. Begitu juga halnya dalam kes Utumuturaja yang tidak berapa lama selepas Melaka tertawan telah dipancung oleh Portugis.²² Orang India dan

22. Utumuturaja dikatakan merampas sebuah dusun kepunyaan seorang Orang Besar Melaka yang telah mlarikan diri dari Melaka mengikut Sultan Mahmud. Nina Chatu membunuh diri pada 1512 selepas dilantik menjadi Bendahara Melaka. A. Cortasao, *The Sultans of Melaka*, hlm. 287.

China gagal memujuk kuasa serantau yang lain untuk menarik pedagang-pedagang untuk memulihkan Melaka.²³

Dari segi kuasa-kuasa bukan Islam yang Portugis dikatakan mempunyai hubungan persahabatan seperti Siam, Pegu, China dan bahkan hingga kononnya ke Ryukyu yang pada teorinya membawa ke Melaka barang-barang lumayan untuk dipasarkan ke Asia Barat dan Eropah, ternyata tidak begitu berminat dengan Melaka lagi. Puncanya adalah perdagangan monopoli. Betapa teruknya keadaan Portugis di Melaka selepas ini boleh difahamkan melalui keadaan apabila biaya pentadbiran Melaka yang pada zaman sultan-sultan Melayu merupakan pelabuhan terkaya di dunia dan raja-raja dan orang-orang besarnya jelas amat kaya, tetapi Melaka di bawah Portugis terpaksa disokong kewangannya dari negeri Portugal sendiri.²⁴ •

Hakikat ini tentulah menakjubkan dan soalan yang secara mendadak akan timbul mengapakah perkara seburuk ini berlaku? Jawapan segeranya ialah polisi pedagang monopoli Portugis yang begitu rakus hingga menguat-kuasakan monopoli perdagangan. Dalam sistem serupa itu selalunya tidak ramai pedagang mahu menurutnya dengan kerelaan hati mereka. Selain itu, pegawai-pegawai pentadbir Portugis dalam pengurusan Melaka begitu jelas tidak amanah, rasuah, terlalu mementingkan keluarga sendiri dan dilantik bukan atas dasar kebolehan dan kecekapan masing-masing.²⁵ Semua keburukan ini tidak dapat dikawal oleh Goa dan jauh sekali dari Lisbon yang terletak beribu-ribu batu jauhnya dari Melaka.

23. Di sini nampaknya Tome Pires telah membesar-besarkan sokongan orang asing yang dikatakan mengalu-alukan penjajahan Portugis ke atas Melaka (lihat A. Cortasao, *Suma Oriental*, hlm. 281-289). Hal ini berdasarkan kepada keadaan perdagangan Melaka selepas ditawan oleh Portugis yang tidak berjaya dipulihkan keagungannya seperti pada zaman Melaka. Tetapi mungkin juga Tome Pires betul apabila dia menyebutkan tentang sokongan orang bukan-Melayu terhadap Portugis kerana Tome Pires menulis pada 1512, sebelum ia pergi ke Cochin. Pada masa itu terlalu awal bagi Tome Pires melihat polisi Portugis yang sebenarnya. Kemudian baru disedari oleh orang asing ini lalu mereka sendiri mengubah tumpuan perdagangan ke pelabuhan lain di rantau ini.

24. Untuk perbincangan tentang masalah kewangan Portugis yang meruncing bagi membiayai belanja pentadbiran Melaka sila lihat Yahaya Abu Bakar, "Sumber Portugis", hlm 77-78.

25. Lihat juga *ibid.*, hlm. 79-84.

Tidak mustahil juga kegagalan Portugis mempertahankan kemakmuran Melaka berpunca daripada sifat taksub keagamaan (Kristian) mereka. Mungkin juga ini antara faktor besarnya. Tidak terjelas lagi betapa perbuatan-perbuatan biadap berlaku seperti pembunuhan beramai-ramai apabila Melaka ditawan. Tetapi perjuangan "salibnya" dengan melalui "mata pedang" itu mempunyai akar umbi keganasan yang membawa yang berpunca daripada sejarah di Eropah. Dan kalau berlaku keganasan yang di luar batas-batas keperikemanusiaan seperti yang dinyatakan itu bukanlah sesuatu yang aneh. Perbuatan Portugis meruntuhkan bangunan istana Melaka, menggali kubur-kubur Sultan Meiaka dan meruntuhkan masjid-masjid untuk membangunkan kota pertahanan dan gereja-gereja mereka di tapak masjid²⁶ mungkin di luar dugaan masyarakat setempat. Implikasi peristiwa itu begitu penting diberi perhatian.

Satu lagi aspek lain yang mengagumkan sejarawan Islam terhadap pengislaman rantau ini ialah peranan Melaka menyebarkan ajaran Islam secara damai, bukan melalui kekuatan mata pedang. Sikap timbang rasa atau boleh juga disebut diplomasinya pemerintah Islam Melaka membezakan tentang kepentingan Islam dan perdagangan dan hak bersama-sama untuk menikmati kekayaan alamnya. Dengan itulah lahirlah atau munculnya masyarakat kosmopolitan Melaka. Semua pedagang antarabangsa dengan rela hati bertumpu ke Melaka. Majoriti mereka mungkin pedagang-pedagang Islam. Hakikat pengislaman rantau ini melalui kumpulan pedagang Islam ini memang penting. Mereka inilah yang cuba dimusnahkan oleh Portugis dengan kekerasan melalui kekuatannya yang tidak seberapa itu. Ini juga bermakna menyingkirkan orang yang berurus niaga dengannya (istilah masa kini pelanggannya). Sebab-sebab sedemikianlah menyebabkan pusat-pusat perdagangan lain tumbuh, walaupun tidak semakmur Melaka, tetapi menjadi kaya dan berwibawa dalam politik serantau seperti yang dialami oleh Sultan Ternate.

Contoh lain membuktikan kegagalan Portugis ialah pengislaman Makasar, dan Sulawesi. Kegiatan Portugis mengembangkan agama Kristian memang gigih sejak penaklukannya ke atas Melaka. Daripada polisi Afonso de Albuquerque

26. Lihat umpamanya tulisan Rev. Fr. R. Cardom, "Portuguese Malacca" dlm. /MRRAS, Kuala Lumpur, 1934, hlm. 13-17 yang membincangkan tentang kota pertahanan Portugis (A Fortaliza atau the Fortress).

sebagai penakluk dan pengasas perkembangan gereja Roman Katholik di Melaka hingga ke datangan Francisco Xavier (St. Francis Xavier) merupakan tanda-tanda kegigihan usaha mereka. Di Melaka mereka telah menubuhkan sekolah-sekolah untuk kemajuan pendidikan Kristian. Tetapi kejayaannya di Melaka hanya setakat sekitar bandaraya Melaka saja.

Pada 1545 Father Vicente Viegas telah belayar dari Melaka ke Maluku dalam usaha mengembangkan agama Kristian. Di sana beberapa orang raja tempatan dikatakan telah dikristiankan (baptized). Pengkristianan ini melibatkan juga kerabat-kerabat diraja dan Orang-orang Besarnya. Agak malang bagi rombongan ini sewaktu ingin kembali ke Melaka pada tahun yang sama satu rusuhan telah berlaku sebaik-baik sahaja rombongan paderi ini mengucapkan selamat tinggal. Rusuhan itu berlaku kerana puteri Raja Maluku yang kemudian ditukar namanya kepada Dona Elena Vesiva²⁷ dengan senyap-senyap meninggalkan istananya dan berada di dalam kapal Portugis untuk belayar ke Melaka²⁸.

Disebalik kegigihannya di Kepulauan Maluku itu, Raja Makasar (Sulawesi) pula menganut agama Islam pada awal abad ke-17. Seperti yang akan dilihat kemudiannya dalam tulisan ini Makasar menjadi kuasa Islam serantau yang begitu gigih mempertahankan agama Islam di atas runtuhnya kerajaan Melayu-Islam Melaka daripada memilih Kristian yang telah dikembangkan oleh Portugis yang telah berkempen sekitar tiga suku abad.²⁹ Seperti kes Melaka, Makasar dan kawasan-kawasan lain kecuali Ambon, agama Kristian tidak subur berkembang. Bererti juga bahawa Portugis gagal melaksanakan prinsip Eropahnya yang cuba diperundangkan bahawa "rakyat mestilah beragama seperti agama rajanya."³⁰

27. Beliau ini ialah ibu kepada Manuel Godinho de Eredia, penulis "Description of Malacca and Meridional India and Cathay" dlm *JMBRAS*, Vol. VIII, Part I, 1930 yang masyhur itu.

28. Cerita mengenai peristiwa ini dapat dilihat dalam *Ibid*.

29. Lihat C.R. Boxer, *The Portuguese Seaborne Empire*, hlm 75.

30. Lihat hlm. 24 dan Vlekke, *Nusantara*, hlm. 110-111.

Kemunculan Kristian Protestan: Belanda dan Inggeris

Dalam zaman serba pincang inilah Belanda muncul di perairan rantau ini. Asal-usul kehadiran Belanda di rantau ini berpunca daripada sikap tamak orang Portugis dan Sepanyol. Dalam "kerakusan" memonopoli perdagangan rempah di Timur, Kerajaan King Philip yang bersatu dengan Portugis telah menutup Pelabuhan Lisbon daripada kapal-kapal dagang Inggeris dan Belanda. Kerana dinafikan daripada mendapatkan barang-barangan rempah di Eropah, orang Belanda dan Inggeris terpaksa belayar ke Timur bagi mencari barang-barangan itu dengan sendiri. Beberapa rombongan diatur ke Timur. Rombongan pertama sampai ke Nusantara dipimpin oleh Cornelis de Houtmen yang telah berlabuh di Bantam pada Jun 1596. Kesan pertama yang ditinggalkan oleh Belanda ini ialah perangai kasar, biadab dan tidak menggunakan akal fikiran hingga menimbulkan kesusahan untuk berurusan dengan raja-raja tempatan.³¹ Satelah dia mati diserang di Aceh kapalnya belajar menjelajah ke Timur. Di Bali rombongan ini dihalau lagi dan mereka pun kembali ke Eropah.

Perintisan ini membuka jalan kepada rombongan seterusnya dengan pengalaman yang lebih baik. Beberapa rombongan yang lebih besar dengan pelayaran mengikut dua arah ke Nusantara (melalui arah Barat dan Timur) telah dilakukan. Sehingga awal abad ke-17 pedagang-pedagang Belanda sudahpun berkeliaran di seluruh Nusantara, dari Aceh hingga ke Maluku. Kini di mana-mana nampaknya mereka mendapat sambutan untuk bermiaga. Bagi raja-raja tempatan kehadiran Belanda ini bukan sahaja baik untuk perdagangan mereka, tetapi juga untuk menjadi sekutu menentang Portugis. Dalam hal inilah Belanda lebih mudah membuat perjanjian mendapat monopoli perdagangan dan pengakuan "ketuanan" (hegemony) termasuk daripada Sultan Ternate dan Ambon di sebelah timur. Sultan Melaka yang berpusat di Johor menyetujui, menurut perjanjian bersama mereka, untuk bersama-sama menghalau Portugis dari Melaka dengan syarat Melaka akan diserahkan kepada Belanda jika rancangan itu berjaya. Sementara Belanda bersetuju dan berjanji untuk mengizinkan rakyat jelata bebas menganut agama pilihan mereka masing-masing.

31. Lihat *ibid.*, hlm., 110-111.

Kekuatan Belanda sejak awal abad ke-17 ini adalah kerana penubuhan Syarikat Hindia Timur yang lebih terkenal dengan nama Syarikat Hindia Timur Belanda (SHTB) yang ditubuhkan pada Mac 1602 yang dikuasai oleh sebuah Lembaga Pengarah. V.O.C. mempunyai piagam sendiri yang mempunyai kedaulatan mewakili kerajaan Belanda bagi memerintah tanah-tanah jajahan yang didapati oleh V.O.C. Di Nusantara, V.O.C. diwakili oleh seorang pentadbir tertinggi yang diberi gelaran Gabenor Jeneral. Ketika mula beroperasi modal V.O.C. sangat besar, iaitu lapan kali lebih besar dari Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) yang ditubuhkan pada 1600. Dengan itu tidak menghairankan apabila SHTB ini memulakan kegiatan perdagangannya di Nusantara ia dapat menyediakan kelengkapan, kekuatan dan tindakan-tindakan yang lebih berkesan dan penuh berkeyakinan daripada SHTI.

SHTI pula, pada masa itu, digambarkan sebagai sekumpulan lalat yang sentiasa mengekor di mana sahaja Belanda berada dan berurus niaga. Tetapi walaupun kedua-dua kuasa ini mempunyai ikatan persahabatan yang kuat di Eropah, mereka juga seperti Sepanyol dan Portugis sebelum Penyatuan 1580 selalu bertelagah sesama sendiri. Punca utama yang sering menimbulkan kemarahan Belanda terhadap Inggeris ialah di mana-mana sahaja mereka bermiaga mereka lebih bersifat petualang. Bila perbalahan berlaku antara Belanda dengan kerajaan-kerajaan tempatan Inggeris akan mengambil sikap menunjukkan timbang rasanya sebagai cara menanam pengaruh kepada pemerintah tempatan. Tujuannya ialah supaya pemerintah-pemerintah tempatan menyingkirkan Belanda dan menerima Inggeris. Tindakan serupa ini telah berlaku sejak dari mula mereka bermiaga di Bantam pada awal abad ke-17 hingga ke tempat-tempat lain seterusnya. Puncaknya pergeseran ini berlaku di dalam proses Belanda ingin mendapatkan monopolinya di Ambon pada 1623. Inggeris telah dituduh menjalankan pakatan ingin merampas kota Belanda di sana dengan bantuan tentera upahan Jepun. Dengan itu lapan orang Inggeris dihukum bunuh dan lain-lainnya yang tertangkap disiksa. Inggeris memanggil peristiwa ini sebagai "Pembunuhan di Ambon" dan digambarkan sebagai peristiwa ngeri yang tiada taranya. Lalu Inggeris meninggalkan usaha berdagang di Kepulauan Maluku untuk selama-lamanya. Ini memberi kesempatan kepada Belanda bertindak sebebas-bebasnya di sana.

Semuanya ini berlaku semasa Jan Peterzoon Coen menjadi Gabenor Jeneral V.O.C. Sebelum itu hubungan Belanda dengan Bantam pernah menjadi keruh

kerana di cemarkan oleh de Houtmen, tetapi telah sempat dipulihkan. Hubungan ini telah disambung kembali oleh SHTB selepas ditubuhkan. Kerajaan-kerajaan di Jawa yang anti-Kristian dan anti Portugis yang awal seperti Japara telah menjadi lemah pada zaman kedatangan Belanda. Namun begitu, kerajaan Bantam dan Mataram pula telah muncul sebagai benteng pertahanan kerajaan bumiputera Islam di Jawa. Untuk beberapa ketika mereka berjaya mempertahankan kemerdekaan mereka. Tetapi apabila Jan Peterzoon Coen menjadi Gabenor Jeneral pada 1618, Belanda sudah bersedia muncul untuk menjadi sebagai kuasa teragung di rantau ini. Ini kerana ketegasan polisi imperialismnya. Dengan demikian, keadaan politik serantau menjadi huru-hara kembali seperti keadaan dalam dekad-dekad awal kemasukan Portugis ke perairan serantau.

Wawasan politik Coen menjangkau untuk memerintah sehingga seratus tahun lagi selepas pemerintahannya. Berhadapan dengan masalah-masalah yang dihadapinya, yang sama seperti Portugis, Coen mengambil sikap tegas untuk menakluki seluruh Indonesia, walaupun terpaksa melakukan apa jua bentuk kekejaman sekalipun. Untuk membina kekuatannya, Coen mencadangkan supaya dibina perkampungan Belanda di merata-rata tempat di Nusantara dan mengambil tentera upahan Jepun bagi tujuan penaklukan. Dia juga mencadangkan supaya dilakukan pemusnahan ke atas semua kapal orang Asia dan Eropah yang memasuki Kepulauan Melayu. Hanya dengan begitu sahaja, menurutnya, Belanda akan dihormati dan tidak lagi menunggu belas kasihan daripada sultan-sultan tempatan dalam perdagangan monopolinya. Sesungguhnya di bawah pemerintah menurut wawasan inilah Bantam, Mataram dan Maluku ditundukkan dan Inggeris tersingkir dari sana.

Coen memulakan penjajahan Belanda dengan mendirikan tapak kota Belanda di Betawi. Ia muh menjadikan Betawi sebagai pusat pentadbirannya sejak kenaikannya sebagai Gabenor Jeneral pada 1618. Dengan penguasaannya terhadap Betawi mereka akan dapat mengawal laluan perdagangan ke Barat. Ini juga bermakna monopolii ke atas Kepulauan Maluku akan lebih berkesan. Seiring dengan itu juga kekuasaan akan dapat jalankan sepenuhnya di Sulawesi bagi mengelakkan penyeludupan berlaku sewenang-wenangnya melalui jalan utara.

Kemajuan yang dilakukan oleh Coen bergantung kepada kemampuannya mempertahankan kedudukan Betawi daripada kemaraan Sultan Agung (memerintah 1613-1645) dan Sultan Bantam di Jawa Barat dan pada masa yang sama mengawal Kepulauan Maluku daripada jatuh ke tangan kuasa asing. Ini adalah tugas yang amat besar dan berat kerana pada masa yang sama Sulawesi yang merdeka dan menjadi makmur merupakan juga duri dalam daging bagi Belanda melaksanakan monopoli perdagangan.

Cabarani pahit dihadapi oleh Coen bagi mempertahankan Betawi pada 1619. Ia berlaku kesan ketegangan dalam urusan tawaran harga lada hitam dengan kerajaan Bantam. Dengan ugutan perdagangan, Coen berjaya mendapat sokongan pedagang China, tetapi Inggeris telah masuk campur menyerang kapal dagang China. Ini memarahkan Coen lalu ia membawa pasukannya bertempur dengan Inggeris. Tetapi kerana angkatan Inggeris lebih besar Coen terpaksa berundur. Pada masa yang sama berlaku krisis di Maluku, ketika kotanya di Betawi sedang dalam kepungan Sultan Jakarta, Bantam dan Inggeris. Namun Coen dengan satu angkatan bergerak ke Maluku dan meminta tenteranya di Betawi mempertahankan kotanya sehingga ia kembali. Coen sempat balik ke Betawi pada 28 Mei 1919, selepas dua bulan lebih berada di Maluku. Kotanya masih selamat. Coen lalu mengetuai tenteranya keluar dari kotanya menyerang musuh-musuhnya yang masih mengepung kota itu. Dia berjaya bukan setakat mempertahankan kotanya tetapi kemudian mengalahkan Bantam dan dengan itu menguasai perairan Laut Jawa ke Maluku.

Peristiwa ini semacam menggambarkan kehebatan Coen atau sekurang-kurang Belanda apabila berhadapan dengan tiga musuh serta serentak, iaitu Inggeris, Bantam dan Raja Jakarta. Dalam keadaan kelam-kabut berhadapan dengan Betawi dan Maluku, Coen masih mampu menumpaskan tiga musuhnya secara serentak. Apa yang sebenarnya berlaku adalah semacam contoh pada waktu dan tempat lain kemudiannya. Belanda (atau Coen dalam kes ini) beruntung kerana musuh-musuh mereka tidak sekata untuk menentangnya. Semasa Coen meninggalkan Betawi untuk menuju ke Maluku musuh-musuhnya bersengketa sesama sendiri berhubung dengan penguasaan kota Belanda dan rampasan yang belumpun mereka miliki. Belanda yang begitu cemas dan menunggu masa sahaja kejatuhan kota mereka di Betawi akhirnya mampu mengembalikan kekuatan dan kepercayaan untuk terus berjuang. Bila Coen kembali ke Betawi, Belanda bukan sahaja berjaya mempertahankan kotanya, tetapi akhirnya menundukkan musuh-musuh politiknya di sekitar Betawi.

Selepas peristiwa ini Belanda di bawah Coen kembali ke Maluku untuk menyelesaikan masalah penguatkuasaan monopoli di Ternate, Banda dan Ambon. Beliau mendapatkan persetujuan melalui perjanjian dengan Sultan Ternate untuk itu. Di Ambon ia membersihkan kepentingan asing hingga berlakunya Pembunuhan Ambon yang melibatkan Inggeris. Sementara itu di Banda usahanya mendapat tentangan hebat daripada penduduk Kepulauan Banda, tetapi Coen bertindak balas memusnahkan mereka dengan lebih kejam lagi daripada apa yang dilakukannya terhadap Inggeris. Seorang bekas pegawai SHTB merakamkan kekejaman itu yang antara lainnya menyebutkan, "...Penganiayaan dijalankan dengan begitu berdosa dan kejam bahawa darah orang-orang miskin telah mengalir dan melaung ke syurga meminta pembalasan".³² Dan bila Coen mati pada 1629 jalan perdagangan timur-barat Indonesia sudah berada dalam di tangan Belanda.

Walaupun dalam kedudukan yang begitu Belanda tidak dapat menguasai sepenuhnya perdagangan rempah serantau. Makasar sebagai sebuah kuasa politik telah muncul dengan kuatnya. Negeri yang mula memeluk agama Islam sejak 1605, setelah lebih tiga suku abad Portugis menjalankan kempen anti-Islam dan cuba menanamkan kekuatan Kristian di rantau itu. Semangat keislaman yang dijalankan oleh Makasar ini telah berjaya menyekat kebebasan bertindak Belanda dan memberikan kesempatan kepada pedagang-pedagang Islam meneruskan perdagangannya di rantau itu, bahkan pedagang-pedagang Eropah yang tidak dapat berdagang di kawasan kekuasaan Belanda turut bertumpu ke sana. Ini menjadikan bandar Makasar pelabuhan yang kaya. Tetapi hal ini menimbulkan kemarahan Belanda dan menuduh Makasar menjadi pusat penyeludupan barang-barang rempah dari kawasan Belanda. Pertarungan Belanda-Makasar telah berlaku sehingga 1667 bila Belanda berjaya menamatkan kemerdekaan Makasar. Sejarah kejatuhan Makasar menggambarkan satu contoh lain daripada ciri kejatuhan kerajaan tempatan kepada Belanda.

Bila Speelman mengetuai ekspedisi menyerang Makasar pada 1666 ia memulakannya dengan mengikat persetiaan dengan Sultan Ternate dan dengan itu membolehkannya menyerang dan mengalahkan Sultan Tidore lalu memaksanya mengikat persetiaan yang megakui kedaulatan Belanda di sana.

32. Lihat, *ibid.* hlm. 143.

Belanda kemudian membawa penyokong bumiputera dari Ambon dan orang Bugis pengikut Aru Palaka dari Boni yang sedang menuntut bela terhadap Gowa (di bawah pemerintahan Makasar). Bila Speelman menyerang Makasar pada 1667, sebahagian besar askarnya terdiri daripada orang tempatan. Bantuan Aru Palaka khususnya telah memainkan peranan yang amat penting dalam menentukan kemenangan itu kerana dia adalah orang Sulawesi sendiri yang tahu selok-belok keadaan setempat yang tanpanya kejayaan Belanda adalah begitu susah untuk dicapai.

Selepas Makasar mengaku kalah dan menandatangani Perjanjian Bongai 1668 Makasar mengalami kelumpuhan politik yang teruk. Wilayahnya dibahagi-bahagikan kepada penyokong-penyokong Belanda. Belanda memegang kuasa monopoli perdagangan dan semua kuasa asing disingkirkan terus dari sana. Makasar dengan itu menjadi kuasa yang amat kerdil - hanya di sekitar bandar Makasar sahaja.

Akibat penaklukan ini orang Bugis yang hilang mata pencariannya berkeliaran di perairan serantau dengan merompak kapal-kapal dagang asing. Mereka inilah sebahagian daripada apa yang disebut oleh sebahagian penulis Barat sebagai "lanun". Selain itu mereka juga menjadi tentera upahan kerajaan tempatan dalam peperangan, terutamanya dengan kuasa-kuasa Barat. Sementara golongan ulama yang berpengaruh berhijrah ke negeri-negeri jiran untuk mengembangkan pengetahuan Ugama Islam. Anak-anak rajanya atau bangsawannya pula mencari kawasan untuk membina kuasa politik baru.

Politik dekad-dekad awal abad ke-17 bagi Belanda tertumpu ke Pulau Jawa dan kawasan Kepulauan Rempah. Hal ini sebenarnya berkait erat dengan motif politik V.O.C. sebagai sebuah syarikat perdagangan. Sebahagian besar perdagangan pada masa itu tertumpu di Kepulauan Rempah. Manakala bahagian di sebelah barat iaitu Sumatera dan Semenanjung Melaka belum diberi perhatian yang besar. Dalam keadaan sebegini Aceh yang begitu memusuhi Portugis mengambil kesempatan mengembangkan kuasanya di Semenanjung dan Pantai Timur Sumatera dalam usahanya merebut bandar Melaka daripada Portugis. Di bawah Iskandar Muda Mahkota Alam (1606-1636) kota Portugis di Melaka beberapa kali di serang. Ia hampir melumpuhkan kedudukan Portugis. Kota ini akhirnya jatuh juga pada 1614, tetapi ke tangan Belanda dengan kerjasama orang Melayu yang pada masa itu berpusat di Johor.

Setelah kubu pertahanan Portugis di tawan pada 1641, Belanda mengambil alih Melaka hanya sebagai pusat penguasaan perdagangan bijih timah dari Tanah Melayu. Ia juga ditinggalkan sebagai pelabuhan persinggahan dan kepentingan pertahanan sahaja di sebelah barat Nusantara. Tidak pentingnya lagi bandar Melaka hingga menyebabkan Belanda cuba menutup Selat Melaka sebagai laluan utama ke Barat dan memajukan Selat Sunda sebagai gantinya. Ini menjelaskan betapa kuatnya niat Belanda untuk melaksanakan monopolii perdagangannya kerana jika Selat Sunda dapat dimajukan dengan melarang atau menahan kapal-kapal yang belayar di Selat Melaka, kawalan berkesan lebih senang dilakukan kerana per-airan Selat Sunda adalah jauh lebih sempit. Bagaimanapun, usaha ini gagal dilaksanakan. Walaupun selepas menawan Melaka, Belanda masih belum dapat meneruskan sepenuhnya kolonialismenya di Tanah Melayu dan juga di Pulau Sumatera.

Bila Makasar dijatuhkan barulah Belanda mengalihkan perhatiannya kembali ke barat dan sasarnya ialah Aceh. Kerajaan Aceh selepas Iskandar Muda telah diperintah oleh raja-raja perempuan dan kekuatan politiknya adalah terhad. Dengan itu negeri-negeri pantai timur Sumatera beransur-ansur membebaskan diri mereka daripada pemerintahan Aceh. Pada 1668 Belanda membuat persetiaan dengan Aceh. Pada masa yang sama ia juga mengacum supaya kerajaan-kerajaan bumiputera di pantai barat Sumatera memberontak terhadap Aceh. Belanda pula memberikan jaminan kemerdekaan mereka dari Aceh. Di tanah Minangkabau pula Belanda menaikkan seorang raja baru bagi menggantikan sebuah kerajaan yang sudah seabad pupus hanya kerana raja yang baru itu sedia menandatangani persetiaan dan memberi hak kepada Belanda di sana. Hal ini dilakukan melalui ketua-ketua tempatan jajahan Aceh. Jelasnya keruntuhan wilayah politik Aceh telah dilakukan lebih melalui diplomasi politik daripada kekuatan tentera.

Kerajaan-kerajaan besar yang terakhir dilumpuhkan oleh Belanda dalam abad ini ialah Mataram dan Bantam. Peristiwa keruntuhan ini berlaku serentak dengan perjuangan yang paling minimum ketika suasana politik V.O.C. paling meruncing sebelum jatuh. Sebelum ini kerajaan Mataram merupakan kerajaan terkuat di Jawa sehingga pertengahan abad ke-17. Sejak penubuhannya oleh Senopati (memerintah 1582-1601) dan kemudiannya diikuti oleh Sultan Agung. Mataram berjaya menguasai sebahagian besar Jawa Timur hingga Madura. Sultan Agung juga meletakkan Belanda di bawah kekuasaannya dengan

persetujuan bahawa Belanda akan menghantar hadiah setiap tahun. Tetapi kekuasaan yang ditanamkan oleh Sultan Agung (memakai gelaran susuhanan) pudar tidak lama selepas kemangkatannya.

Hingga 1674 kerajaan-kerajaan di Jawa Timur di bawah pimpinan Teruna Jaya Putera Madura (keturunan raja Madura yang dulunya dinaikkan oleh Sultan Agung (Mataram) telah bersatu untuk menghancurkan Mataram dan menjadikan dirinya pengganti penguasa Jawa seperti kedudukan Hayam Wuruk Majapahit. Dalam kempen politik itu Teruna Jaya juga mendapat sokongan daripada orang Bugis yang melarikan diri dari Makasar. Mereka telah berkumpul di Madura bagi menyertai Teruna Jaya.

Dalam tempoh yang sama Teruna Jaya berkempen di sebelah timur, sebelah barat pula Sultan Bantam, Abulfatah Agung (1651-1683) telah berjaya memperkuatkan kembali kerajaannya melalui kekayaan perdagangannya di Bantam. Ia menjadikan Bantam sebagai pusat pergerakan Islam di Alam Melayu. Puteranya dihantar ke Mekah untuk menunaikan haji dan seterusnya disuruh ke Turki bagi mengikat persaudaraan Islam dengan kerajaan Islam yang besar. Bantam menjadi tumpuan pedagang-pedagang asing yang telah tersingkir dari Melaka dan Makasar, terutamanya pedagang Islam. Selain itu terdapat juga pedagang-pedagang Inggeris, Denmark dan China. Daripada pedagang-pedagang Barat inilah Bantam mendapatkan bekalan senjata. Bantam sendiri menghantar pedagang-pedagangnya bermiaga ke luar negeri. Dengan kekayaan dan kekuatan itu ia juga ingin meluaskan kekuasaan politiknya ke timur yang akan melibatkan penaklukan wilayah Mataram.

Pada masa yang sama juga sebenarnya Belanda di Eropah sedang berhadapan dengan Inggeris dan Perancis. Dengan itu V.O.C di Nusantara yang berpusat di Betawi, jiran Bantam juga berada dalam keadaan yang genting. Pada 1678 Teruna Jaya dan pengikutnya telah menyerang Mataram dan menghancurkan istana serta menjarah (merompak) harta benda Amangkurat II (pengganti Sultan Agung). Raja Mataram yang sudah tiada harapan untuk mempertahankan kerajaannya ini telah diselamatkan oleh Belanda dengan dijanjikan beberapa keistimewaan termasuk tanggungan belanja perang. Belanda menolong menaikkan semula raja yang lemah ini dengan memahkotakan anak Amangkurat II. Teruna Jaya diburu oleh tentera Belanda dan kemudian ditawan oleh Aru Palakka, setelah berjaya memaksanya menyerah diri. Dengan ini

kemerdekaan Mataram berakhir bukan sahaja setakat terhutang budi kepada Belanda tetapi lebih mahal daripada itu terpaksa membiayai belanja perang. Istana baru sultannya pula selepas itu dikawal oleh satu batalion askar kompeni SHTB.

Kekalahan Teruna Jaya dan sekali gus kelumpuhan Mataram memberikan kekuatan kepada Belanda. Persediaan Bantam untuk meluaskan kekuasaanya ke kawasan Mataram berkesudahan dengan memberi kekuatan kepada Belanda. Putera Haji, anak sultan Abulfatah Agung yang kembali dari Mekah, menjadi orang alim, tetapi berbaik-baik dengan Belanda, berbeza dengan ayahnya yang benci kepada Belanda. Kerana ingin merebut takhta kerajaan dengan lebih cepat ia meminta bantuan Belanda bagi menjatuhkan kerajaan bapanya bagi kepentingan dirinya sendiri. Belanda mengambil peluang ini dan terjadilah perperangan bapa melawan anak. Abulfatah kalah dan tertawan. Putera Haji naik tahta tetapi dengan hutang yang besar kepada Belanda kerana membiayai belanja perang. Sementara kekuasaannya politiknya berada dalam tangan Belanda. Pedagang-pedagang asing tersingkir lagi dari Bantam.

Kejatuhan Mataram, kekalahan Teruna Jaya dan penaklukan Bantam memberi kekuatan semula kepada Belanda yang kini menjadi kuasa terunggul yang tiada taranya di Nusantara. Jelasnya menjelang akhir abad ke-18 kerajaan-kerajaan bumiputera lebih mengutamakan keuntungan atau kepentingan diri sendiri daripada menumpaskan kuasa kolonial. Kalau mereka bermindat sedemikian sesungguhnya mereka telah terlepas satu peluang yang begitu berharga yang mereka tidak dapat pastikan bila akan berulang kembali.

Bagaimanapun, di luar Tanah Jawa, menjelang penghujung abad ke-17 tuah anak-anak Bugis Lima Bersaudara yang telah dihalau dari Sulawesi muncul apabila berlaku kacau-bilau politik keturunan Raja Melaka di Johor berikutnya kemangkatan Sultan Mahmud (Marhum Mangkat Di julang). Raja Daulah Bukit Siguntang ini tidak meninggalkan keturunan yang jelas sehingga menimbulkan pertarungan merebutkan kerajaan yang ditinggalkannya. Bendahara Abdul Jalil memulakan perebutan itu dengan melantik dirinya sendiri bergelar sultan. Tetapi kenaikannya telah ditentang oleh Raja Kecil dari Siak yang mengakui bahawa ia adalah waris kesultanan dengan mendakwa berketurunan zuriat Sultan Marhum Mangkat Dijulang. Pertelingkahan ini berlarutan sehingga terjadinya perperangan dan Bendahara Abdul Jalil melarikan diri ke Pahang. Beliau

kemudian mengikat persetiaan dengan Upu Berlima (putera-putera Bugis tadi) untuk menolongnya menyingkirkan Raja Siak yang telah merajai Johor. Usaha ini telah mencapai kejayaan dan dengan itu keturunan Bugis telah dilantik menjadi Yang Dipetuan Muda yang kekuasaan dan pusat pemerintahannya di Riau-Lingga.

Sepanjang abad ke-18 sejarah politik serantau memperlihatkan pula penguasaan politik Belanda ke atas kerajaan-kerajaan tempatan yang masih belum menerima keutamaan politik Belanda (*political hegemony*). Ekspedisi-ekspedisi ketenteraan telah dihantar oleh Belanda untuk menuntut pengakuan atau keutamaan politik Belanda bagi mengelakkan kemasukan kuasa-kuasa asing selain Belanda. Tetapi motif utama usaha ini lebih menonjol ke arah memperkuatkan penguasaan monopoli perdagangan. Di samping itu kegiatan *hongi*, iaitu menguatkuaskan larangan menanam buah pala dan bunga cengkuk tanpa kebenaran dan memusnahkan pokok-pokok yang berlebihan di perhebatkan. Pentingnya kegiatan *hongi* ini adalah bagi mengawal penawaran barang itu di pasaran supaya harganya tetap tinggi. Orang Banda dan Amboin memainkan peranan penting menolong SHTB dalam kegiatan *hongi* ini. Kesannya penduduk tempatan menjadi berkurangan kerana perpindahan disebabkan ketiadaan pekerjaan dan di Amboin rakyatnya menjadi miskin.³³

Negeri-negeri yang menjadi sasaran ekspedisi kewibawaan politik Belanda ialah di Kepulauan Borneo dan Sumatera. Negeri-negeri ini sebenarnya tidaklah begitu penting kepada Belanda kerana tidak ada dorongan penting dari segi ancamannya terhadap kewibawaan politik Belanda dan tidak juga penting dari segi ransangan ekonominya. Kawasan pantai Borneo terdapat beberapa kerajaan Melayu seperti Banjarmasin, Kutei, Sambas dan Sukadana untuk menyebutkan yang pentingnya. Kawasan-kawasan ini dalam abad ke-18 telah menjadi sarang "lanun" tempatan termasuk juga daripada suku lanun yang lebih terkenal di Kepulauan Sulu.

33. Satu hal yang patut dicatatkan di sini ialah masalah kemiskinan di kalangan penduduk atau pemimpin bumiputera adalah sesuatu yang disengajakan oleh pemerintah V.O.C. (lihat. *ibid.*, hlm. 195). Hal ini tidak susah difahami kerana dengan kemiskinan itu pemimpin tempatan tidak akan berupaya melawan mereka dan rakyatnya terpaksa menghambakan diri kepada pemerintah kolonial.

Sebenarnya di Banjarmasin, dalam abad ke-17, Belanda telah meninggalkan wakil perdagangannya untuk berurusan dengan pemerintah tempatan. Tetapi orang Belanda telah dibunuh di sana dan selepas 1669 mereka terpaksa meninggalkan tempat itu. Inggeris juga melakukan usaha seperti Belanda sejak 1707 tetapi tidak lama kerana mereka menerima nasib yang sama seperti Belanda yang terdahulu daripada itu. Orang Portugis pula menghantar pengembang agama ke kawasan pedalaman Banjarmasin tetapi juga telah dibunuh oleh penduduk di sana. Apa yang berlaku sebelum pertengahan abad ke-18 itu nampaknya seperti adanya sikap anti-Barat dan anti Kristian yang mendalam. Raja Banjarmasin sendiri mempunyai semacam ketakutan kepada sesuatu yang berhubung dengan Barat. Hanya selepas pertengahan abad itu barulah Belanda kembali membuka perniagaan di sana dan diikuti oleh bangsa-bangsa lain, termasuk orang Cina.

Kutei dan Sukadana tidak terganggu kemerdekaannya pada abad ini kerana tidak ada apa-apa yang ingin direbutkan oleh Belanda. Sementara itu jika pun mereka meninggalkan perwakilannya, itu akan hanya merugikan kompeni untuk mempertahankannya kerana kegiatan "perlanunan" membahayakan diri mereka sendiri. Hanya Sambas sahaja yang agak lebih maju dari Kutei dan Sukadana selepas pertengahan abad itu kerana terdapatnya hasil emas. Raja Sambas telah menggunakan orang China untuk perlombongan itu dengan menjadikan orang Dayak sebagai pengawasnya. Dalam tempoh dua puluh tahun berbiliriblu orang China telah masuk ke sana hingga menimbulkan pemberontakan terhadap orang Dayak pada 1770. Namun begitu hasil emas tidak berpanjangan dan Sambas menjadi tidak penting lagi. Sama seperti keadaan di Borneo, Lombok dan Bali di selatan juga tidak dihiraukan oleh Belanda. Hanya selepas pertengahan abad ke-18 baru Belanda menguasainya. Keadaan tidak peduli Belanda ini sebahagian besarnya kerana Lombok dan Bali tidak begitu penting dari segi strategi dan perdagangan. Belanda juga merasa tidak selamat di sana kerana keperwiraan bangsa tersebut dalam perperangan hingga menyebabkannya mereka tidak berminat untuk mendapatkan kawasan yang tidak berharga.

Di Sumatera pula sebagaimana telah disebutkan sebelumnya, kerajaan Aceh telah dikerdilkan melalui pemenciran politik dan perdagangan oleh Belanda. Sementara ini dalam abad ini perhatian Belanda telah ditumpukan ke pulau Bangka dan Belitung, setelah bijih timah mula ditemui di sana.

Keruntuhan Daulah Daulah Bukit Seguntang berkekalan. Penguasaan pengganti-penggantinya gagal menunjuk dan melaksanakan kewibawaan politik yang boleh memulihkan keutuhan empayar Melayu itu. Di samping bersaing dengan kuasa-kuasa kolonial baru pada masa itu, jajahan takluk Melaka mula memerdekaan dirinya. Maka lahirlah kerajaan-kerajaan kecil tempatan seperti Negeri Sembilan, Selangor, Pahang, Kedah, Perak, Terengganu, Kelantan dan Petani. Begitu juga hasilnya dengan Negeri-negeri Melayu di persisir pantai timur Sumatera. Negeri-negeri ini berpecah-belah tanpa satu kerajaan yang mampu menyatukannya kembali. Mungkin masing-masing gembira merdeka dalam keadaan sebegitu tetapi kemerdekaan mereka hanya bergantung kepada sejauh mana kuasa-kuasa kolonial (yang keseluruhannya bukan-Islam) mengizinkannya. Sifat kekendirian masing-masing menyebabkan kedudukan mereka makin lemah dalam pengendalian politik antarabangsa.

Boleh dikatakan semua negeri telah diikat oleh Belanda melalui penjanjian. Kekuasaan Belanda merupakan yang paling unggul. Pedagang-pedagang Inggeris dengan SHTI yang setakat itu tersingkir hanya di Bangka Hulu mencuba nasib pula di Pulau Pinang dengan membuat persetiaan persahabatan dengan Sultan Kedah. Di sebalik apa yang disebut sebagai penjanjian persahabatan, kemerdekaan negeri-negeri di Alam Melayu sudah hilang. Apa yang boleh dilakukan oleh mereka ialah setakat mengerahkan rakyat supaya menjalankan apa-apa perusahan dalam ekonomi bagi diangkut hanya oleh Belanda ke Eropah. Kuasa Portugis sudah tinggal hanya tersingkir di Pulau Timor.

Perkembangan Kristian Protestant

Perubahan yang berlaku dalam sejarah mempunyai berbagai-bagai faktor penentu. Salah satu daripadanya yang tidak boleh diperkecilkkan ialah faktor agama.³⁴ Dalam kes yang sedang dibincangkan di sini kelihatan jelas sekali bahawa dari segi politiknya Belanda menjadi kuasa utama. Faktor penentunya ialah faktor ekonomi. Belanda mengharungi lautan menuju Nusantara di dorong oleh hasrat untuk menawan kerajaan-kerajaan tempatan. Keadaan ini agak berbeza sedikit dengan faktor kedatangan Portugis yang lebih hampir dengan rasa benci terhadap Islam yang ditanamkan oleh mazhab Katholik.

34. Lihat Halvdan Koht, *Driving Forces in History*, London, 1964. Bab 111.

Perbezaan mazhab Katholik Kristian dari Semenanjung Iberia ini dengan mazhab Protestan aliran Calvinisme³⁵ membawa pendekatan yang berbeza-beza dalam usaha mereka mengembangkan agama Kristian. Bagi Belanda, motif ekonominya mendahului kegiatannya untuk menguasai kuasa politik. Faktor-faktor sejarah kehadiran mereka di sini didesak oleh keadaan ini. Mereka terpaksa berperang dengan mazhab Katholik Portugis untuk mendapatkan monopoli perdagangan. Untuk itu mereka terpaksa berbaik-baik dengan kerajaan bumiputera (walaupun Islam) untuk keperluan ekonomi dan politik semasa.

Walaubagaimana, peristiwa-peristiwa berbunuhan atau peperangan itu hanyalah bersifat sementara. Apabila musuh utamanya Portugis telah disingkir atau dipencilkan ia menyedari bahawa monopoli bukan senang untuk dipraktikkan. Kerajaan-kerajaan bumiputera serantau merupakan kuasa politik yang sudah biasa dengan ekonomi perdagangan; mereka juga mempunyai hak untuk menikmati perdagangan. Dengan itu akhirnya Belanda terpaksa pula menundukkan kuasa-kuasa tempatan (bumiputera). Belanda dengan kekuatan tenaga manusia yang tidak seberapa itu dan dengan kelengkapan teknologi perang yang bukanlah tersangat istimewa berbanding dengan apa yang boleh dimiliki kerajaan-kerajaan bumiputera, tidak akan dapat menguasai kawasan yang luas itu. Tambahan pula pertandingan juga melibatkan kuasa Barat sendiri seperti British. Dengan demikian desakan mencari sekutu yang sanggup turut berjuang bagi mempertahankan kepentingan mereka sendiri menjadi penting. Di sinilah faktor agama menjadi penting sebagai penokok kepada kesedaran keagamaan yang memang sudah sedia ada dan tidak dapat dinafikan wujud di kalangan mereka itu.

35. Perjuangan antara mazhab Katholik dan Protestant amat hebat berlaku dalam sejarah Eropah sejak abad ke-15. Aliran Protestant (Lutheran dan Calvinisme) melahirkan satu ideologi politik tersendiri berbeza dengan faham mazhab Katholik. Pengetahuan lanjut untuk perkembangan ini boleh dipelajari daripada V. H. H. Green, (1970), *Renaissance and Reformation: A Survey of European History Between 1450 and 1660*, London.

Dalam hal ini walaupun kelihatan Belanda berbunuhan-bunuhan dalam perperangan dengan Portugis kerana berlainan mazhab, dengan British mereka juga bertelagah, walaupun semazhab (Protestant).³⁶ Belanda turut memberi perhatian kepada masalah agama Kristian. Di Ambon³⁷ misalnya Belanda mengambil alih pentadbiran gereja Kristian yang telah diusahakan oleh Portugis. Mereka juga turut membiayai pentadbiran hal-ehwal agama Kristian dari perpendaharaan V.O.C. Di Melaka setelah Portugis dikalahkan dalam perperangan mereka menyingkirkan diri dari bandaraya Melaka. Mereka melarikan ke kawasan pedalaman dan cuba mengelakkan diri daripada menjadi tawanan Belanda. Belanda bagaimanapun membiarkan Portugis menguruskan kehidupan mereka di Melaka dan menyelamatkan hamba abdi Portugis yang telah membantu sekutu-sekutu mereka (Belanda) dalam perperangan menawan Melaka itu. Masalah menyelamatkan masyarakat Kristian ini telah menjadi persoalan yang menegangkan hubungan politik mereka dengan jiran-jiran bumiputera di Melaka itu.³⁸

Belanda juga tidak kurang gigihnya dalam usaha menyebarkan agama Kristian. Namun begitu usaha pengkristianan tidaklah begitu berjaya kerana masyarakat tempatan telah lebih awal memeluk agama Islam. Para ulama telah lebih gigih mengembara dari pulau ke pulau bagi mengembangkan agama, walaupun berhadapan dengan kemaran kegiatan agama Kristian. Oleh kerana itu usaha-usaha di sepanjang pemerintahan SHTB lebih ditumpukan kepada pengkristianan di kalangan penduduk yang masih mengamalkan animisme.

36. Permusuhan Inggeris-Belanda di Nusantara memang hebat tetapi nampaknya seperti kata seorang pegawai SHT Inggeris, Edmond Scot, "Hendaklah diingat bahawa sungguhpun kami bermusuhan ketat dalam bidang perniagaan, dalam hal-hal lain kami bersahabat dan akan sehidup semati". (Lihat *ibid.*, hlm. 128).

37. Lihat umpamanya C.R. Boxer, *The Dutch Seaborne Empire*, hlm. 148-170, memberikan gambaran peranan yang dimainkan oleh SHTB dalam mengembangkan ugama Kristian di Indonesia; cf. Vlekke, *Nusantara*, Bab IV dan IX.

38. Lihat Jonathan Cave, *Naning in Melaka*, Kuala Lumpur, hlm. 34-35 sebagai contohnya bagi menyelamatkan mereka yang beragama Kristian, walaupun mereka itu bukan daripada bangsa Eropah sekalipun. Lihat juga P.A. Leupe, "The Siege and Capture of Malacca From the Portuguese in 1641-1641", dlm *JMBRAS*, Vol. XIV, Pt.1, 1936, hlm 135 dan Appendix III, hlm. 160.

Dalam menjalankan kegiatannya ini Belanda lebih menumpukan perhatian kepada golongan kanak-kanak daripada golongan dewasa. Satu pendekatan yang penting digunakan ialah melalui persekolahan. Selain badan-badan amal yang termasuk memberi bantuan ekonomi kepada masyarakat setempat, istimewanya golongan miskin, usaha mereka dalam pendidikan di sekolah-sekolah ini juga tidak begitu berjaya meluaskan ajaran Kristian. Mungkin kejayaannya lebih kepada aspek peningkatan terhadap fahaman Kristian itu sendiri di pusat-pusat (kota-kota) dan kawasan pentadbiran dan penempatan mereka seperti di Betawi, Melaka dan Pulau Ambon.

Terdapat satu keanehan dalam pemahaman sejarah mengenai kegagalan pengkristianan masyarakat bumiputera oleh pengembang agama Kristian pada zaman itu. Keanehan itu dipandang dari kacamata pada masa ini yang pada hakikatnya menunjukkan pengislaman masyarakat serantau yang secara umumnya masih pada tahap asas. Kajian-kajian pula menunjukkan kehidupan masyarakat bumiputera masih terlalu tebal dengan amalan-amalan hidup kepercayaan animisme dan Hindu-Buddhismenya. Kalau keadaannya begitu mengapakah mereka begitu kekal beragama dengan agama Islam dan sanggup berperang mempertahankannya?

Di sini penulis lebih cenderung untuk menjawab soalan itu melalui sistem sosialnya. Institusi sosial yang harus diberi perhatian di sini ialah apa yang sering disebut hamba abdi.

Institusi ini memberikan ikatan sosial yang kuat antara hamba dengan tuannya. Ia harus dipandang dari kaca mata Islam dan masyarakat setempat dan dibezakan dengan hamba abdi yang diamalkan oleh bangsa Eropah. Walaupun ia sememangnya merupakan satu kelas yang tersendiri dan berstatus rendah dalam masyarakat, namun ikatan sosial hamba dalam masyarakat bumiputera Islam begitu kuat dengan tuan-tuan mereka. Antara tuan dan hamba mereka mempunyai hak dan tanggungjawab³⁹ (kepentingan) kemanusian yang

39. Kanun atau Undang-undang Melaka berkaitan dengan hamba memberikan gambaran tentang hak-hak tertentu yang diperuntukkan ini; peruntukan-peruntukan itu, di sini diambil sebagai asas pendapat penulis. Lihat Liaw Yock Fang, "The Undang-undang Melaka," dim. K.S. Sandhu & Paul Wheatley, *Melaka*, hlm. 180-194.

saling lindung memperlindungi antara satu sama lain. Dan mereka melakukan hubungan ini bukan semestinya dengan secara paksa; dan tidak mustahil pula dengan cara kerelaan masing-masing kerana desakan-desakan hidup dalam keadaan-keadaan tertentu.

Daripada keadaan ini hamba-hamba pembesar bumiputera selalunya mengikut perintah tuannya yang tertentu. Bahkan mungkin berlumba-lumba menyukakan tuan-tuan mereka melalui tata susila dan khidmat-khidmat mereka.⁴⁰ Dalam hal ini agarna tuannya menjadi ikutannya.⁴¹ Hakikat ini nampaknya juga boleh menolong menjelaskan kepelikan-kepelikan yang selalu disuarakan oleh pegawai-pegawai Barat tentang masyarakat tempatan. Mereka menjadi hairan mengapakah umpamanya masyarakat bumiputera begitu rela menjadi hamba raja atau orang besar tempatan (yang pada orang Barat dianggap zalim), walaupun Belanda umpamanya memberikan mereka layanan yang jauh lebih baik. Hamba-hamba ini enggan bekerja seperti mengambil upah dengan pemerintah asing. Seperti kata-kata yang dipungut oleh Vlekke, jelas sekali nampaknya orang Jawa lebih suka diperas oleh orangnya sendiri [ketua-ketua bumiputera] daripada dicaci oleh orang asing.⁴²

Kenyataan terakhir ini boleh menyeret kita kepada satu gejala lain yang perlu ditekankan dalam meneliti hubungan sosial masyarakat semasa. Orang Barat yang hadir di kalangan masyarakat setempat itu tidak dapat mereka pastikan selama mana akan terus berada bersama mereka. Oleh itu, kalau mereka memutuskan hubungan dengan masyarakat setempatnya dengan sebab hendak mengikut "orang asing" ini kerana kepentingan yang sedikit daripada

40. Mengenai gambaran hubungan tuan dan hamba dalam sejarah masyarakat bumiputera di Tanah Melayu lihat misalnya J.M. Gullick, *Malay Society in the Late Nineteenth Century*, 1991, hlm. 210-228, Bab "Inequality in Malay Society"; dan lihat juga Philip Loh Fook Seng, *The Malay States 1887-1895: Political Change and Social Policy*, 1969, Appendix One, hlm. 183-199.

41. Landasan hujah penulis ini adalah berdasarkan semacam kecenderungan kesejagatian (*Universal trend*) naluri semula jadi manusia di mana secara psikologinya golongan dari lapisan sosial rendah cuba meniru atau berlagak seperti pelakuan sama ada orang yang dikaguminya atau orang yang berada dalam kelas lebih tinggi daripadanya.

42. Lihat bukunya, *Nusantara*, hlm. 221.

(1) Lihat Vlekke, *Nusantara*, hlm. 100.

kehidupannya, adakah itu sesuatu yang lebih baik bagi penghidupannya daripada terus tinggal dalam masyarakat asalnya? Sementara itu mereka sendiri tidak pasti sejauh mana ia akan berjaya pula penyesuaianya kepada agama baru atau menjadi pengikut ("hamba") orang asing yang baru muncul itu. Kesangsian-kesangsian serupa ini mungkin telah menjadi faktor lain yang turut menolong mengikat kuat rakyat tempatan kepada tuan tradisional mereka.

Ikatan sosial dan susunan hidup sebeginulah yang berkemungkinan lebih bererti kepada mereka yang mengekalkan keislaman mereka seperti atau dalam anutan agama tuannya. Faktor ini tidak memperkecilkan tentang keunggulan agama Islam dalam akidah manusia. Peristiwa di atas sesungguhnya membuktikan peri bagaimana Islam sebagai agama yang mendidik sifat-sifat pemurah dan penyayang sesama makhluk Allah dapat bertahan terhadap ujian masa dan tempat.

Satu keadaan yang boleh diambil kesimpulan daripada keadaan sistem sosial masyarakat bumiputera Nusantara berkaitan dengan kegagalan pengkristianan oleh kuasa-kuasa Eropah ialah masalah orang-orang besarnya. Daripada hujah di atas tadi, andaian boleh dibuat bahawa kegagalan kuasa-kuasa Eropah untuk menawan hati pembesar-pembesar tempatan dengan kasar yang besar jumlahnya menyebabkan pengkristianan secara meluas tidak dapat dilakukan. Beberapa keadaan permusuhan yang dibangkitkan oleh penjajah menyebabkan pembesar-pembesar tempatan menjadi musuh utamanya. Kerana sistem sosial yang mengikat rakyat kepada raja atau pembesarnya, usaha memujuk rakyat jelata menjadi amat susah dijayakan. Akibatnya ialah kegagalan untuk menawan keyakinan keagamaan masyarakat setempat.

Penutup

Sejarah kolonialisme Eropah di Nusantara pada abad 16-18 merupakan sejarah pertandingan ekonomi kuasa-kuasa Eropah untuk memonopoli perdagangan lumayan dari Asia. Walaupun terdapat dasar keagamaan, khususnya bagi Mazhab Katholik Roman, tetapi pada intinya dasar ini untuk kekayaan raja-raja mereka juga.

Kepentingan ekonomi ini juga telah menyebabkan penguasaan politik oleh kuasa-kuasa Eropah yang terkemudian seperti Sepanyol dan Belanda. Persoalan ekonomi (perdagangan) juga membuatkan raja-raja tempatan bertanding sesama sendiri untuk mengikat hubungan persahabatan dengan penjajah-penjajah Eropah. Kekeliruan raja tempatan mengenai prinsip-prinsip perdagangan Barat yang mengamalkan perdagangan monopoli merupakan faktor penting mengapa berlakulah perperangan demi perperangan. Keadaan ini berakhir dengan penjajahan politik Eropah di rantau ini.

Kerakusan ekonomi monopoli ini yang diikuti oleh perilaku rendah budi juga telah menyilaukan keinginan usaha mereka mengembangkan agama. Agama yang sepatutnya memancarkan ketinggian tamadun kuasa-kuasa Eropah telah gagal menarik perhatian masyarakat tempatan. Mazhab Katholik yang berjuang tanpa tolak-ansur keagamaan hanya mampu "menawan" segelintir pemimpin tempatan yang khayalkan keuntungan dunia sahaja. Kemudian, seratus tahun berikutnya, muncul pula kumpulan Mazhab Protestant yang neutral dari segi agama. Nampaknya neutral agama di sini lebih bermaksud orang ramai bebas mengamalkan kepercayaan agama mereka. Bagaimanapun perilaku mereka tidak ubah seperti orang Katholik terdahulu daripada mereka yang terlalu mementingkan material lebih daripada segalanya. Penjajahan politik, dengan itu, tidak dapat dielakkan.

Penentangan daripada masyarakat tempatan tidak dapat dielakkan kerana, secara semula jadinya, tidak ada bangsa yang secara menyeluruh rela menerima taraf sebagai hamba (yang hidup dalam penindasan dan kemiskinan) dengan secara sukarela. Lebih-lebih lagi penjajahan Barat bererti penindasan kaum yang berdasarkan keagamaan dan warna kulit. Ia juga bererti masyarakat tempatan secara menyeluruh mesti hidup dalam kemiskinan dan kehinaan. Dengan itu, kegagalan pengembangan agama Kristian, khususnya di kalangan penganut agama Islam boleh dianggap sebagai sesuatu yang akan berlaku secara semula jadi juga.